

Pelajar agama beralih ke KUIM

7 JUL 2002

Oleh SHARIFAH SALWA
SYED AKIL

KUALA LUMPUR : Jumlah pelajar yang dihantar ke pusat pengajian tinggi di Timur Tengah, dijangka berkurangan berikutan langkah kerajaan mewujudkan Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM), tiga tahun lalu.

Pengerusi Lembaga Pengarah KUIM, Tan Sri Dr Mohd Yusof Noor, berkata semakin ramai ibu bapa kini beralih kepada KUIM kerana ia setaraf dengan universiti di Timur Tengah.

"Ramai ibu bapa kini menghantar anak mereka melanjutkan pelajaran dalam aliran agama di dalam negara dan tidak lagi di Timur Tengah. Bagi saya, ia adalah satu perkembangan baik," katanya selepas merasmikan Projek Gema Warisan Tulisan Khat Surah Yasin terpanjang anju-

ran Jawatankuasa Kebajikan Asrama Siswa Siswi (Jaksa) KUIM, dekat sini, semalam.

Mohd Yusof yang juga Pe-

ngerusi Felda, berkata akan timbul juga masalah jika ibu bapa menghantar anak-anak belajar ke universiti yang tidak diiktiraf kerajaan dan secara tidak langsung akan menyukarkan pelajar terbit memasuki alam pekerjaan.

"Jika kerajaan iktiraf universiti itu, Alhamdulillah... jika tidak, ia akan menimbulkan pelbagai masalah termasuk pemilihan kursus yang tidak sesuai dengan pasaran kerja di negara ini.

"Jadi, mereka harus berhati-hati memilih universiti jika tidak mahu menyusahkan pelajar pada masa depan. Jadi, penubuhan KUIM ini akan menjadi pilihan terbaik kerajaan untuk mengelakkan banjir pelajar ke Timur Tengah," katanya.

Beliau berkata, KUIM pada masa ini mempunyai empat fakulti iaitu Fakulti Undang-

Undang dan Syariah; Ekonomi dan Muamalah; Pengajian Dakwah dan Pengurusan selain Fakulti Pengajian Al-Quran dan Sunnah.

"Kementerian Pendidikan sedang mengkaji kemungkinan membenarkan KUIM mewujudkan beberapa fakulti baru tahun depan, antaranya, Fakulti Ekonomi Sains dan Perubatan," katanya.

Pada awal penubuhannya, KUIM bermula dengan jurusan Islam, namun ia diperluaskan kepada jurusan lain dari semasa ke semasa.

Katanya, pada masa ini, pelajar ditempatkan di kampus sementara KUIM di Pandan Indah sebelum kampus tetap di Nilai, Negeri Sembilan siap menjelang 2004. Upacara pecah tanah dijadualkan disempurnakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 22 Ogos ini.